

8 sungai di Pahang lepasi paras amaran

Asrol Awang
am@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan. FOTO arkib NSTP

Kuantan: Lapan sungai di Pahang merekodkan bacaan melepasi paras waspada, setakat 11.15 pagi tadi.

Menurut maklumat dalam laman sesawang Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), sungai berkenaan ialah Sungai Tembeling di Kampung Merting dan Sungai Pahang di Paya Gintong, Jerantut.

Selain itu, Sungai Jempol di Rancangan Felda Jengka dan Sungai Luit di Kampung Subuh, Maran; Sungai Lepar di Jambatan Gelugor dan Sungai Kuantan di Pasir Kemudi, Kuantan.

Turut melepasi paras waspada ialah Sungai Lipis di Batu Malim, Raub dan Sungai Serting di Jambatan Padang Gudang, Bera.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) dalam satu kenyataan memaklumkan amaran hujan lebat dan ribut petir dijangka berlaku di daerah Pekan dan Rompin, Pahang, hari ini.

Angin kencang timur laut 40 hingga 50 kilometer sejam dengan ombak setinggi sehingga 3.5 meter dijangka di perairan Tioman.

Disiarkan pada: Mac 1, 2022 @ 12:32pm